



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 28 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS TUBUH PASUKAN KHAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	NELAYAN BIMBANG AKTIVITI KOREK PASIR ANCAM HABITAT UDANG GALAH, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	MADU KELULUT BERPOTENSI TINGKAT SOSIO EKONOMI PENGUSAHA, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	USAHAWAN TANI HARGAI BANTUAN PPK, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	HASIL NELAYAN SUSUT 40 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28/11/2020

SINAR
HARIAN
MAHKAMAH &
JENAYAH

23

Maqis tubuh pasukan khas

Siasat dakwaan penyeludupan daging lembu tidak halal

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat dakwaan kemasukan daging lembu sejuk beku secara tidak sah ke dalam negara.

Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Alwi berkata, perincian pasukan berkenaan tidak boleh didedahkan bagi mengelak ia mengganggu siasatan.

“Ya, kita sudah tubuh pasukan siasatan, kita jalankan kerja dulu,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata, wakil Maqis telah bertemu dengan pihak Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan isu penyeludupan

daging sejuk beku dari negara yang tidak mendapat status halal dan pengesahan kesihatan.

“Pegawai saya telah berjumpa dengan PPIM dan mereka telah menyalurkan info berkaitan dakwaan berkenaan. PPIM juga memberikan kerjasama baik kepada kami. “Melalui maklumat yang kita peroleh, kita akan siasat lebih dalam sejauh mana dakwaan tersebut dan dalam masa terdekat, kita akan ketahui dengan lebih jelas,” katanya.

Mengulas berkenaan sama ada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyiasat pegawai atau anggotanya, Saiful berkata, beliau belum dimaklumkan tentang perkara itu.

Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa

isu penyeludupan daging terbabit tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan rampasan tiga kontena berisi muatan daging kerbau sejuk beku bernilai lebih RM1 juta di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT),

Awas, aktiviti seludup masuk daging lembu tidak halal



Dalam tempoh beberapa hari ini, aktiviti seludup masuk daging lembu tidak halal ke dalam negara semakin meningkat. Pihak berkuasa berkaitan telah mengambil tindakan tegas terhadap aktiviti seludup ini. Pihak berkuasa juga telah mengambil tindakan tegas terhadap aktiviti seludup ini. Pihak berkuasa juga telah mengambil tindakan tegas terhadap aktiviti seludup ini.

Laporan khas *Sinar Harian* pada Isnin lalu berkenaan kemasukan daging lembu sejuk beku secara tidak sah ke dalam negara.

SELUDUP DAGING SEJUK BEKU

Pulau Pinang pada Selasa lalu. “Kes di Pulau Pinang itu tidak ada kaitan dengan isu penyeludupan. Rampasan itu dibuat kerana isu teknikal pengimport yang gagal mematuhi syarat sijil yang ditetapkan,” katanya.



Nelayan sungai memancing udang galah sebagai sumber pendapatan di Sungai Rembau, Lubok Cina dekat Alor Gajah. (Foto Hassan Omar/BST)



Jabatan Perikanan melepaskan jutaan anak udang galah di beberapa sungai di Lubok Cina dekat Alor Gajah dalam usaha memulihara sumber air itu.

Nelayan bimbang aktiviti korek pasirancam habitat udang galah

Alor Gajah: Kira-kira 80 nelayan sungai di kawasan Lubok Cina, di sini, bimbang pembialkan udang galah semakin diancam kepupusan berikutan pelbagai aktiviti sungai terutama kerja mengorek pasir dilakukan untuk tujuan komersial.

Nelayan mendakwa aktiviti yang membelenggu mereka sejak tiga tahun lalu itu boleh mengakibatkan habitat pembialkan udang galah terancam walaupun Jabatan Perikanan, Melaka berusaha memastikan kesinarbungan kedudukan itu dengan melepaskan jutaan anak udang galah ke dalam sungai.

Anhara sungai yang terbahit dengan usaha itu termasuk Sungai Ramuan Cina, Sungai Rembau, Sungai Timun, Sungai Talok Berembang, Sungai Linggi dan Kuala Linggi, dekat sini.

Ketua Jaringan Nelayan Paya

Lebet, Lubok Cina, Mohamad Jan-tan, 71, mendakwa nelayan di kawasan itu sudah beberapa kali mengadu mengenai masalah terbahit kepada kerajaan negeri dan Jabatan Perikanan negeri.

Katanya, pihaknya mahu kontrak pengendali aktiviti mengorek pasir sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di-tetapkan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Perikanan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri.

"Sejak pasir Sungai Rembau di-korek, hasil tangkapan udang galah merosot dengan kami hanya boleh memperoleh satu kilogram (kg) sehari, berbanding dua hingga empat kilogram sebelum ini," dakwanya.

Sementara itu, Pensyarah Ka-man di Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Sekolah Biologi Sains Uni-

versiti Sains Malaysia (USM), Dr Amir Shah Ruddin Md Sah, berkata ikan dan udang galah di beberapa sungai di Lubok Cina yang menjadi sumber pendapatan nelayan dan buruan kaki pancing dibimbangi pupus jika aktiviti mengorek pasir sungai tidak dikawal.

"Aktiviti itu menyebabkan proses penghasilan oksigen untuk membantu pertumbuhan 'phytoplankton' iaitu sejenis alga marin yang berfungsi sebagai sumber utama makanan ikan dan udang-terganggu.

"Ikan dan udang bergantung kepada phytoplankton sebagai ba-ha makanan utama, tetapi apabila makanan itu tidak mampu hidup akibat gangguan pengha-silan oksigen, maka hidupan sungai terbahit menerima bertij-rah ke tempat lain," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawa-

tankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee, berkata kerajaan negeri meariang dan ber-risus dakwaan nelayan dan ber-jaraji akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat terbahit jika nelayan mempunyai bukti ku-kuh.

"Saya minta nelayan mengam-bil gambar atau video aktiviti ker-ja mengorek pasir yang melang-gar SOP seterusnya mengemukakannya kepada saya untuk tin-takan lanjut," katanya.

Baru-baru ini, Norhizam me-negadakan perjumpaan bersama 43 nelayan sungai yang terkesan akibat aktiviti mengorek pasir. Susulan itu, semua nelayan yang terbahit menerima parang-sang RM800 setiap seorang bagi mengurangkan bebanan hidup mereka.

Ikan dan udang galah di beberapa sungai di Lubok Cina


yang menjadi sumber pendapatan nelayan dan buruan kaki pancing dibimbangi pupus jika aktiviti mengorek pasir sungai tidak dikawal.



Amir Shah Ruddin Md Sah, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Sekolah Biologi USM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

Madu kelulut berpotensi tingkat sosio ekonomi pengusaha



KOTA BHARU, 28 Nov -- Industri ternakan kelulut di Malaysia dilihat amat berpotensi dijadikan sebagai sumber pendapatan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi pengusaha, sama ada diusahakan secara kecil-kecilan mahupun secara komersial.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, mengikut stastistik Jabatan Pertanian, sehingga Oktober tahun ini pengusaha kelulut di negara ini telah menghasilkan 145,856 kilogram (kg) madu kelulut dengan nilai lebih RM21 juta.

"Kita lihat industri madu kelulut ini, berupaya diletakkan sebagai salah satu daripada sumber kekayaan baharu negara, yang mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Madu kelulut dikatakan madu terbaik dunia dan sesuai diternak besar-besaran disamping berpotensi menjadikan Malaysia pemain utama dalam pasaran ... sekali gus mempertingkatkan pendapatan para penternak," katanya selepas melawat industri kelulut di Min House Camp, Kubang Kerian di sini hari ini.

Che Abdullah berkata, kementeriannya telah mengenal pasti beberapa strategi bagi meningkatkan lagi pengeluaran madu kelulut, termasuklah bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan kepada pengusaha termasuk kursus dan bimbingan keusahawanan.

"Walaupun menghadapi beberapa cabaran di peringkat pasaran dunia disebabkan masih banyak negara belum mengiktiraf madu kelulut sebagai satu daripada jenis madu disebabkan rasanya yang masam dan berbeza dengan madu lebah lain, namun kerajaan sentiasa berusaha memartabatkan industri ini melalui kerjasama pelbagai agensi terutamanya Jabatan Pertanian.

"Malah, kita turut membantu pengusaha madu kelulut di negeri untuk memasarkan hasil madu kelulut mereka dengan menjadi 'orang tengah', bagi memudah cara diantara pengusaha dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, bagi memasarkan hasil mereka," katanya.

Sementara itu Che Abdullah berkata, Kelantan merupakan negeri penyumbang terbesar pengeluaran madu kelulut di Semenanjung Malaysia dengan pengeluaran mencecah 24,730 kilogram (kg) bernilai lebih RM3.5 juta, pada tahun 2019.

Beliau berkata, terdapat 233 pengusaha madu kelulut berdaftar di seluruh negeri Kelantan yang bergiat aktif dan jumlah pengeluaran tersebut menjadikan Kelantan sebagai negeri kedua terbanyak pengeluaran madu kelulut di Malaysia selepas Sarawak.

-- BERNAMA

Usahawan tani hargai bantuan PPK

Laksana sistem jualan hasil pertanian secara terus ke pasar borong, pasar raya dan kedai runcit

Oleh NOR AZURA
MD AMIN

PONTIAN

Usahawan tani di kawasan Benut di sini bersyukur dengan usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Benut bagi memasarkan hasil pertanian mereka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

Inisiatif itu melegakan dan membantu mereka untuk menjual hasil pertanian yang tidak dapat dijual dengan banyak seperti sebelum pelaksanaan PKP akibat penularan pandemik coronavirus (Covid-19).

Pengurus Besar PPK Benut, Abd Jalil Elias, 39, berkata, sistem jualan hasil pertanian secara terus ke pasar borong, pasar raya dan kedai-kedai runcit dilaksanakan bagi memastikan rantaian penjualan hasil pertanian kepada pengguna tidak terputus sepanjang tempoh PKP.

“Usaha ini secara tidak langsung membantu usahawan tani, mendapatkan harga jualan pertanian lebih baik kerana tidak perlu lagi melalui orang tengah.

“Kami di PPK Benut membantu usahawan tani memasarkan hasil pertanian mereka dengan lebih baik. Hasil perta-



Md Yasin (dua dari kanan) dan Abd Jalil (dua dari kiri) di ladang ulam-ulaman di Kampung Parit Kasmani pada Rabu lalu.

nian turut dihantar ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang yang mempunyai Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP).

“Anggaran pasaran jualan iaitu 40 peratus ke pasar borong, 30 peratus pasar raya dan 30 peratus kedai-kedai runcit di sekitar Benut,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini pada Rabu lalu.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Korporat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Malaysia, Mohd Haniffa Awang Su.

Abd Jalil berkata, PPK Benut mempunyai seramai 3,400 ahli di mana 120 orang terlibat dengan aktiviti pengeluaran makanan seperti penanaman sayur-sayuran, ulam-ulaman, penternakan ayam kampung, industri kecil sederhana (IKS) dan sebagainya.

Beliau berkata, pihaknya juga merancang untuk memasarkan hasil pertanian secara dalam talian yang dilihat cukup berpotensi untuk dikembangkan bagi memberikan kemudahan kepada pembeli mendapatkan hasil pertanian secara segar dari ladang.

Bagi usahawan tani, Md Yasin Kandar, 65, yang mengusahakan tanaman ulam-ulaman, dia menghargai usaha dilakukan PPK Benut untuk memasarkan hasil pertanian terutama ketika PKP bagi mengelakkan berlaku lambakan hasil pertanian yang tidak terjual.

Katanya, pergerakan yang amat terhad ketika PKP menyukarkan peraih-

terutama di Johor Bahru untuk datang membeli ulam-ulaman seperti pegaga, meranti, ulam raja dan daun asam yang diusahakan di Kampung Parit Kasmani, Simpang Renggam, Johor.

“Sebelum PKP dikuatkuasakan pada Mac lalu, sekurangnya 600 kilogram (kg) dapat dijual setiap hari tetapi selepas itu jualan merosot di mana banya 80kg dan 70kg sahaja mampu dijual.

“Memang susah hendak jual hasil pertanian sebab pasar borong banyak ditutup ketika awal PKP dulu, selain pergerakan yang terhad menyebabkan peraih tidak dapat datang ke ladang,” katanya.

Bantuan

Menurut Md Yasin, kehadiran PPK Benut membantu memasarkan hasil pertanian cukup melegakan sekali gus mengelakkan lambakan hasil tani yang tidak terjual memandangkan ulam-ulaman tidak tahan untuk disimpan dalam tempoh jangka masa panjang.

Jelasnya, dalam tempoh 25 tahun mengusahakan tanaman ulam-ulaman, kira-kira RM100,000 bantuan seperti peralatan dan baja diterima daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Menceritakan pembabitannya dalam tanaman ulam-ulaman, Md Yasin mengakui berdepan pelbagai cabaran dan kesukaran memandangkan ta-

naman itu belum lagi menjadi pilihan petani untuk diusahakan ketika itu.

Namun katanya, beliau kini mampu tersenyum melihat hasil tiuk peluh diusahakan membuah hasil lumayan dan menjana pendapatan mencecah puluhan ribu ringgit setiap bulan.

“Sebelum ini saya meniaga putu piring dan putu bambu di sekitar Benut, Senggarang dan Simpang Renggam. Melihat kepada potensi tanaman ulam-ulaman saya tertarik untuk mengusahakannya secara komersial.

“Kini saya sudah menanam pelbagai jenis ulam-ulaman antaranya pegaga, ulam raja, daun asam di atas tanah seluas kira-kira dua hektar di Kampung Parit Kasmani. Selain itu, sayur pucuk manis turut ditanam di kebun kelapa sawit seluas kira-kira dua hektar di Kampung Parit Talibek,” katanya.

Md Yasin berharap bantuan seperti peralatan atau seumpamanya diteruskan kerana amat membantu usahawan tani ketika berdepan Covid-19 atau ketika keadaan jika cuaca tidak menentu iaitu musim hujan mahupun kemarau.

“Saya berterima kasih kepada PPK Benut yang sentiasa ada memberi sokongan dan khidmat nasihat sepanjang saya mengusahakan tanaman ulam-ulaman.

“Bantuan diberikan sangat membantu lebih-lebih lagi mereka membantu memasarkan hasil pertanian saya ketika Covid-19 ketika ini,” katanya.



Md Yasin menunjukkan pegaga segar yang ditanam di ladangnya di Kampung Parit Kasmani.

Hasil nelayan susut 40 peratus

KUANTAN: Pendapatan nelayan sekitar Tanjung Api di sini susut 30 peratus hingga 40 peratus berikutan fenomena angin kencang dan laut bergelora musim tengkujuh.

Keadaan itu menyebabkan mereka terpaksa mengebahdkan aktiviti menangkap ikan di laut, sekali gus mengurangkan jumlah tangkapan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kesejahteraan Kam-

pung (JKKK) Kampung Tanjung Api, Fazrul Nizam Kamal Bashah berkata, sudah lebih seminggu keadaan itu berlarutan dengan gelombang laut besar.

"Di Tanjung Api terdapat kira-kira 30 bot yang semua pemiliknya boleh dikatakan bergantung kepada pendapatan menangkap ikan di laut.

"Nelayan tidak berdepan masalah dengan Covid-19 tetapi masalah tidak dapat ke laut

ekoran laut bergelora," katanya ketika ditemui di Jeti Tanjung Api bagi melihat keadaan bot-bot nelayan yang tidak ke laut semalam.

Fazrul Nizam berkata, sege-linir nelayan tetap turun ke laut bagi mencari rezeki biarpun terpaksa berdepan ancaman laut bergelora.

"Buat masa ini belum ada larangan turun ke laut. Selagi mana boleh, nelayan akan ke

laut kerana ia punca rezeki mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pahang (Pernepa), Zulkiflee Md. Yusof berkata, nelayan bergantung kepada keadaan cuaca, jika baik mereka pasti akan turun ke laut.

"Jika berbahaya untuk ke laut, kita keluarkan tanda amaran iaitu menaikkan bendera di lokasi-lokasi tertentu," katanya.

Sudah lebih seminggu keadaan itu berlarutan dengan gelombang laut besar."

FAZRUL NIZAM KAMAL
BASHAH



DERETAN bot-bot nelayan yang tidak ke laut berikutan musim tengkujuh di Jeti Tanjung Api di Kuantan. Pahang semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF SHAIKH MUSTAFA